

# Anggerik Harimau


## Ubat Penyakit Kuning

**A**nggerik atau orkid harimau atau *Grammatophyllum speciosum* merupakan tumbuhan epifit yang ditemukan tumbuh menumpang pada pohon besar di dalam hutan tropika hingga altitud 550 m dari aras laut. Nama genus *Grammatophyllum* berasal daripada perkataan Greek, iaitu *gramma* yang bermaksud huruf dan *phyllon* yang bermaksud daun. Penamaan genus ini berkaitan rapat dengan ciri corak garang pada bunganya.

Orkid harimau tumbuh di dalam rumpun dan dapat membesar hingga tujuh meter tinggi. Daun tumbuhan ini panjang dan berbentuk lurus di dalam susunan berbaris dan bertentangan serta mempunyai rakis atau tangkai yang besar dan tegap. Jambak bunga

orkid harimau panjang, iaitu kira-kira tiga meter dan menghasilkan beratus-ratus kuntum bunga yang menarik.

Setiap kuntum bunga anggerik harimau dapat mencapai diameter antara 10 – 12 cm, berwarna kuning kehijau-hijauan dan mempunyai corak



Akar khas orkid harimau digunakan untuk memerangkap sisa organik.

atau bintik coklat kemerah-merahan. Pembungaan orkid ini pula tidak menentu. Ada orkid yang dilaporkan berbunga setiap dua atau empat tahun. Setiap jambak bunga dapat bertahan dalam tempoh hingga lebih kurang dua bulan. Buah anggerik harimau berbentuk kapsul dengan kandungan biji yang halus.

Taburan geografi tumbuhan ini meliputi Myanmar, Laos, Vietnam, Thailand, Semenanjung Malaysia, Sumatera, Pulau Jawa, Borneo, Papua New Guinea dan Filipina. Nama lain

## Fakta Menarik

1. Orkid harimau merupakan orkid terbesar di dunia. Berat tumbuhan ini pernah mencapai dua tan ketika dipamerkan di London pada tahun 1851.
2. Orkid harimau mempunyai sejenis akar khas yang kasar dan mempunyai cangkuk atau unjuran yang tumbuh menghala ke atas. Fungsi akar ini adalah untuk memerangkap sampah sarap atau sisa organik, seperti daun bagi membekalkan mineral dan zat makanan kepada tumbuhan ini.
3. Orkid harimau juga mempunyai batang atau rakis daun yang tebal dan berisi. Struktur ini membantu proses penyimpanan air bagi kegunaan tumbuhan epifit ini kerana habitatnya yang kadangkala jauh daripada sumber air.



bagi pokok angerik harimau ialah bunga puteri, bunga bidadari atau ekor gajah.

Di samping itu, tumbuhan ini juga dikenali sebagai waan phet cha heung, ueang phraao atau waan nguu lueam (Thailand), thanh tuyeefn (Vietnam), ubud aram (masyarakat Kelabit di Sarawak), tebu tenggiling, tubu musang atau ukid rimau (masyarakat Iban) dan angrek tebu (Indonesia).

Selain dijadikan tumbuhan hiasan yang cantik dan koleksi dalam kalangan pengumpul tumbuhan orkid, ada



Bahagian daun yang tebal digunakan bagi menyimpan air dan kapsul yang mengandungi biji halus.

laporan tentang kegunaannya dalam perubatan tradisional.

Di Thailand, bahagian batang orkid digunakan oleh pengamal perubatan tradisional dalam rawatan beberapa masalah kesakitan. Batang helaian daunnya dihancurkan hingga lumat dan dicampurkan bersama-sama sedikit arak. Kemudian, tapisan cecair ini diminum supaya masalah radang dan bengkak yang disebabkan oleh gigitan haiwan berbisa, seperti ular, jengking atau lipan dapat dikurangkan. Hampas hasil lumatan ini pula disapu atau ditampal pada tempat gigitan supaya kesakitan dapat dikurangkan.




Helaian daun pada batang orkid harimau yang tegap.

Orkid harimau digunakan secara tradisional dalam rawatan penyakit kuning oleh masyarakat tempatan di daerah Jambi, Sumatera. Biji orkid harimau pula dikisar halus oleh masyarakat tempatan di Poso, Sulawesi Tengah bagi mengubati luka dan bahagian yang cedera.

Bahagian batang orkid harimau dihiris kecil-kecil untuk dijadikan sayur oleh masyarakat Kelabit di Sarawak. Batang orkid harimau yang berisi ditumbuk lumat dan didemahkan pada kawasan luka dan bahagian yang mengalami kecederaan fizikal oleh masyarakat Iban. Bahagian batangnya juga dapat dijadikan minuman teh kerana dikatakan mampu mengubati penyakit kuning.

Walaupun belum banyak kajian dari segi kegunaannya dalam bidang saintifik, ada usaha yang dilakukan bagi melihat kandungan bahan kimia semula jadinya. Kajian awal fitokimia menemukan beberapa jenis sebatian kimia, seperti asid benzilmalik, asid ukomik, kronupapin, vandateroksida, gastodin, vanililosida dan isovitaksin di dalam bahagian batang orkid harimau.

Oleh sebab itu, diharap agar lebih banyak kajian dilakukan supaya potensi ubatan bagi orkid harimau diselidiki, seterusnya dapat digunakan pada masa hadapan, terutamanya dalam bidang farmakologi atau fitokimia semula jadi. 

Penulis Penyelidik Bahagian Hasil Semula Jadi, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).